LIEW SIEW KIAT

lwn.

WING BEE CREDIT & LEASING SDN BHD

HIGH COURT MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMEL MAAMOR H
[SAMAN PEMULA NO: S6-24-3539-2001]
11 MEI 2003

KEBANKRAPAN: *Notis - Jumlah yang dituntut di dalam notis dibayar sepenuhnya - Jumlah dituntut tidak termasuk faedah yang dibenarkan oleh penghakiman - Pengeluaran notis kedua menuntut tunggakan faedah - Sama ada boleh dibenarkan*

Di Mahkamah Sesyen, defendan telah memperoleh penghakiman terhadap plaintif berjumlah "RM27,243.22 serta faedah pada kadar 0.083% sehari dari 30 Disember 1993 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan kos sebanyak RM897". Berikutnya defendan mengeluarkan satu notis kebankrapan menuntut sebanyak RM28,225, jumlah mana telah dijelaskan sepenuhnya oleh plaintif. Defendan kemudian menyedari bahawa tuntutannya sebanyak RM28,225 tersebut tidak merangkumi jumlah faedah seperti yang dibenarkan oleh penghakiman, dan berikutnya telah mengeluarkan notis kebankrapan kedua menuntut jumlah faedah yang terakru sebanyak RM41,521.06. Plaintif mengatakan bahawa penghakiman Mahkamah Sesyen bertarikh 16 September 1996 tersebut telah dijelaskan dengan muktamad dan sepenuhnya, dan atas alasan itu memohon perisytiharan bahawa defendan tidak lagi berhak untuk mengeluarkan prosiding perlaksanaan baru bagi menguatkuasakan penghakiman tersebut. Di hadapan yang arif hakim, sambil membantah permohonan, defendan seperti membangkitkan bantahan awal antara lain bahawa permohonan plaintif adalah tidak teratur, kerana permohonan sepatutnya dibuat di bawah A. 31 k. 10 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1948 ('KKMR') ataupun A. 46 k. 9 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KKMT'). Isu penting yang berbangkit adalah sama ada pembayaran penuh yang telah dilaksanakan oleh plaintif berjumlah RM28,225 di sini patut dianggap sebagai penyelesaian muktamad terhadap penghakiman yang diperolehi oleh defendan.

Diputuskan:

[1] Bantahan defendan bahawa plaintif harus memohon di bawah A. 31 k. 10 KKMR atau A. 46 k. 9 KKMT adalah tidak berasas. Kaedah-kaedah tersebut sudah tidak lagi terpakai bagi tujuan permohonan di sini. (ms 564 h)

[2] Jumlah hutang sebenar yang perlu dibayar oleh plaintif adalah jumlah yang tertera di dalam penghakiman bertarikh 16 September 1996 iaitu "RM27,243.22 serta faedah pada kadar 0.083% sehari dari 30 Disember 1993 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan kos sebanyak RM897". Selagi keseluruhan jumlah ini belum dijelaskan maka tanggungjawab plaintif untuk menyelesaikan hutang defendan masih belum tamat. (ms 576 b-c)

[3] Defendan berhak mengambil tindakan untuk memohon dan mengeluar Notis Kebankrapan yang kedua dengan syarat notis kebankrapan yang baru itu adalah bertujuan untuk menuntut hutang yang masih belum dijelaskan lagi. Di dalam kes ini apa yang masih belum dijelaskan ialah jumlah faedah yang telah diperintah untuk dibayar. Oleh itu, tidak menjadi kesalahan bagi defendan membuat tuntutan lanjut melalui notis kebankrapan untuk mendapatkan baki hutangnya daripada plaintif. (ms 567 g-h)

[Permohonan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Electricity Industry Workers Union v. Registrar of Trade Union & Anor [1976] 1 MLJ 177 ***(dibezakan)***

Leong Peng Kheong v. Downtree Properties Sdn Bhd [2002] 1 CLJ 602 HC ***(dibezakan)***

Wee Chow Yong t/a Vienna Music Centre v. Public Finance Bhd [1990] 1 CLJ 176; [1990] 3 CLJ (Rep) 349 HC ***(dirujuk)***

YAM Tengku Iskandar Ibni Almarhum Tengku Ahmad v. Majlis Perajaan Negeri Kelantan & Satu Lagi [1998] 1 CLJ Supp 416 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 31 rr. 10(1), (2), 11(1), (2), (3), O. 46 r. 9
Specific Relief Act 1950, s. 4(d)

Bagi pihak plaintif - KK Lai; T/n KK Lai & Co
Bagi pihak defendan - M Menon (Cik Asiah); T/n Jaffar & Menon

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Azmel Maamor H:

Di dalam tindakan ini plaintif telah membuat satu permohonan seperti berikut:

1. satu deklarasi bahawa Penghakiman yang bertarikh 16.9.1996 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur No. Saman 52-974-1996 (selepas ini dirujuk sebagai "Penghakiman tersebut") telah dijelaskan oleh Plaintif kepada Defendan dengan muktamad dan sepenuhnya dan ekoran daripada itu pihak Defendan tidak berhak mengeluarkan sebarang prosiding pelaksanaan untuk menguatkuasakan Penghakiman tersebut kepada Plaintif.

2. secara alternatif suatu deklarasi bahawa pihak Defendan tidak berhak mengeluarkan sebarang prosiding pelaksanaan termasuk prosiding kebankrapan terhadap Plaintif untuk menuntut jumlah faedah tertunggak berjumlah RM41,521.06 yang terakru dari 30.12.93 atas alasan bahawa tuntutan demikan adalah melanggar Seksyen 6(3) Akta Had Masa, 1953.

3. Bahawa kos permohonan ini ditanggung oleh Defendan; dan

4. Lain-lain relif Mahkamah yang mulia ini anggap suai dan manfaat. (kand. 1).

Prayer No. 2 telah ditarik balik oleh plaintif.

Fakta-fakta ringkas dan latarbelakang kes adalah seperti berikut. Pada 16 September 1996 defendan telah mendapat suatu penghakiman terhadap plaintif di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Perintah itu berbunyi seperti berikut:

> ADALAH PADA HARI INI DIHAKIMKAN bahawa Defendan Pertama (Plaintif didalam kes ini) dan Kedua hendak membayar kepada Plaintif (Defendan dalam kes ini) sejumlah RM27,243.22 serta faedah pada kadar 0.083% sehari dari 30hb. Disember 1993 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan kos sebanyak RM897.00.

Pada 12 November 1997 defendan telah memulakan suatu tindakan prosiding kebankrapan terhadap plaintif di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Jumlah yang dituntut di dalam notis kebankrapan itu ialah RM28,225. Pada 3 September 1998 dalam masa tujuh hari dari tarikh notis kebankrapan itu diserahkan, plaintif, melalui peguamcaranya, telah menjelaskan melalui cek kesemua

amaun yang dituntut di dalam notis kebankrapan itu kepada peguamcara defendan. Dengan penjelasan wang tersebut notis kebankrapan terhadap plaintif itu telah dibatalkan.

Adalah tidak dipertikaikan bahawa tuntutan defendan terhadap plaintif melalui notis kebankrapan itu tidak merangkumi jumlah faedah yang juga telah diperintahkan untuk dibayar melalui penghakiman bertarikh 16 Jun 1996. Oleh itu pada 12 Januari 1999 defendan telah mengeluarkan notis kebankrapan yang kedua menuntut jumlah faedah yang terakru sejak 30 Disember 1993 hingga 12 Januari 1999 yang berjumlah RM41,521.06. Atas sebab inilah maka plaintif telah memfailkan saman pemula ini memohon perintah di dalam Kandungan 1 seperti yang dinyatakan diatas.

Sebelum pendengaran merit di Kandungan 1 dapat dimulakan defendan telah menimbulkan suatu bantahan awal dengan mengemukakan suatu isu iaitu samada permohonan plaintif didalam Kandungan 1 adalah teratur dan samada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan ini.

Secara ringkasnya defendan menyatakan bahawa deklarasi yang dipohon oleh plaintif disini bukanlah termasuk dalam jenis deklarasi bagi menuntut sebarang hak (rights) seperti yang diperuntukkan dibawah s. 4(d) Akta Relif Specific 1950. Defendan sebaliknya mendakwa bahawa ini adalah satu permohonan untuk merekodkan penyelesaian atas jumlah terhutang dibawah penghakiman ke dalam buku kausa yang mana boleh dibuat dibawah A. 31 k. 10(1)(2) atau k. 11(1), (2), (3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1948 atau A. 46 k. 9 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang *"pari materia"* dengan kaedah-kaedah Mahamah Rendah yang tersebut. Oleh itu defendan mengatakan mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan plaintif ini.

Setelah mempertimbangkan keseluruhan penghujahan yang dikemukakan oleh peguam dari kedua-dua pihak saya telah membuat keputusan untuk menolak permohonan bantahan awal pihak defendan. Keputusan itu berpandukan kepada alasan-alasan yang berikut.

Adalah tidak benar dakwaan defendan bahawa plaintif sepatutnya membuat permohonan deklarasi ini dibawah A. 31 k. 10 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1948 atau A. 46 k. 9 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Ini adalah kerana kaedah yang tersebut diatas tidak dipakai bagi tujuan permohonan plaintif ini. Kaedah-kaedah yang tersebut itu hanya boleh

digunakan berkaitan dengan permohonan writ perlaksanaan yang khusus, iaitu writ penyitaan dan penjualan, writ pemilikan dan writ penyerahan. Sebagai menyokong pendapat saya ini saya cuma perlu merujuk kepada keputusan kes *Wee Chow Yong t/a Vienna Music Centre v. Public Finance Bhd.* [1990] 1 CLJ 176; [1990] 3 CLJ (Rep) 349 dimana Edgar Joseph Jr. H (ianya pada masa itu) di dalam penghakimannya mengatakan:

> Before I embark upon a consideration of the UK decisions, I would make the preliminary observation that the issue of a bankruptcy notice is not execution to enforce a judgment. (See *Re A Bankruptcy Notice* [1989] 1 QB 383 (foll D per Chitty L1 at p. 386). At most, it seems to me that the issue of a bankruptcy notice may be regarded as a species of practical enforcement.

Disamping itu defendan juga telah mengatakan bahawa mahkamah ini tidak membenarkan permohonan deklarasi plaintif jika ada remedi alternatif yang lain. Defendan telah merujuk kepada keputusan kes *Electricity Industry Workers Union v. Registrar of Trade Union & Anor* [1976] 1 MLJ 177, dimana keputusan majoriti Hakim Mahkamah Persekutuan berbunyi:

> (3) (per Lee Hun Hoe CJ and Ong Hock Sin FJ) the Court was being asked in this case to define and draw up guidelines for the Registrar of Trade Union and the manner he is to carry them out and this the Court should not do so as it would have the effect of fettering the discretion rested in the Registrar; and
>
> (4) (per Wan Sulaiman FJ) the Court should not make a declaratory judgment where an alternative remedy has been laid down.

Di dalam kes *Electrical Industry Workers Union* itu adalah benar kewujudan satu remedi alternatif yang lain. Oleh itu Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan yang berbunyi:

> The learned Judge was clearly right in declining to exercise his discretion to make the declaration as the statutory remedy better suits the case and will more satisfactorily dispose the dispute.

Akan tetapi plaintif di dalam kes sekarang tidak mempunyai remedi alternatif untuk mendapatkan remedi yang dipohon melalui mahkamah. Dengan cara membuat permohonan deklarasi ini sahajalah maka plaintif mengemukakan permohonannya untuk dipertimbangkan oleh mahkamah. Oleh yang demikian otoriti kes *Electrical Industry Workers Union* tidak terpakai didalam isu ini.

Seterusnya defendan juga telah mengatakan bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa bagi mendengar permohonan plaintif ini. Defendan telah merujuk kepada keputusan saya didalam kes *Leong Peng Kheong v. Downtree Properties Sdn. Bhd.* [2002] 1 CLJ 602. Saya rasa rujukan oleh defendan terhadap keputusan kes *Downtree Properties* itu adalah tidak tepat dan tidak wajar untuk menyokong dakwaannya atas isu bidangkuasa mengenai permohonan plaintif ini. (Lihat juga keputusan saya yang sama terhadap isu bidangkuasa didalam kes *YAM Tengku Iskandar ibni Almarhum Tengku Ahmad v. Majlis Perajaan Negeri Kelantan dan Satu Lagi* [1998] 1 CLJ Supp. 416 di mana isu bidangkuasa mahkamah telah dijelaskan dengan agak terperinci.

Berpandukan kepada kes *Downtree Properties* dan *Tengku Iskandar* saya memutuskan mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan permohonan deklarasi yang dipohon oleh plaintif.

Diatas alasan-alasan yang saya nyatakan diatas bantahan awal defendan adalah ditolak dengan kos.

Setelah membuat keputusan terhadap bantahan awal defendan itu, saya telah meneruskan pendengaran kes ini dengan mempertimbangkan permohonan plaintif di dalam Kandungan 1. Saya telah mengarahkan supaya peguam bagi kedua-dua pihak mengemukakan hujahan bertulis mereka mengenai permohonan plaintif di dalam Kandungan 1 ini. Setelah mempertimbangkan penghujahan peguam-peguam tersebut dengan mengambil kira segala dokumen-dokumen yang lain yang relevan yang telah difailkan didalam kes ini saya telah memutuskan supaya permohonan plaintif ditolak dengan kos. Alasan-alasan saya membuat keputusan tersebut adalah seperti berikut.

Isu yang perlu diputuskan did alam permohonan plaintif ini ialah samada pembayaran penuh yang telah dilaksanakan oleh plaintif mengikut notis kebankrapan bertarikh 12 November 1997 yang berjumlah RM28,225 patut dianggap sebagai penyelesaian muktamad terhadap penghakiman yang diperolehi oleh defendan terhadap plaintif bertarikh 16 September 1996 yang berjumlah "RM27,243.22 serta faedah pada kadar 0.083% sehari dari 30 Disember 1993 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan kos sebanyak RM897."

Sebenarnya, apa yang telah berlaku ialah apakala defendan membawa prosiding kebankrapan terhadap plaintif dan mengemukakan notis kebankrapan defendan tidak memasukkan jumlah faedah yang terakru yang juga perlu dibayar oleh plaintif seperti yang ternyata dengan jelas didalam penghakiman yang bertarikh 16 September 1996 itu.

Saya berpendapat bahawa jumlah hutang sebenar yang perlu dijelaskan oleh plaintif kepada defendan adalah jumlah yang tertera di dalam penghakiman bertarikh 16 September 1996 itu iaitu "RM27,243.22 serta faedah pada kadar 0.083% sehari dari 30 Disember 1993 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan kos sebanyak RM897." Selagi keseluruhan jumlah ini masih belum dijelaskan maka tanggungjawab plaintif untuk menyelesaikan hutang defendan masih belum tamat.

Jumlah yang dinyatakan di dalam notis kebankrapan bertarikh 12 November 1999 itu cuma memberi notis kepada plaintif untuk beliau menyelesaikan jumlah yang dinyatakan di dalam notis tersebut yang berjumlah RM28,225 di dalam tempoh masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis tersebut. Jika tidak diselesaikan didalam tempoh masa tersebut maka plaintif akan dijadikan seorang bankrap. Pada khususnya, itulah maksud notis kebankrapan itu. Adalah jelas bahawa dengan pembayaran amaun yang dinyatakan didalam notis kebankrapan itu notis kebankrapan tersebut telah dibatalkan. Akan tetapi pembayaran itu tidak mencukupi untuk menyelesaikan keseluruhan hutang plaintif kepada defendan seperti yang dinyatakan didalam penghakiman oleh kerana jumlah faedah masih lagi belum dibayar.

Soalan yang kemudiannya ditimbulkan oleh plaintif ialah samada defendan berhak untuk membuat permohonan bagi mengeluarkan notis kebankrapan yang kedua untuk menuntut daripada plaintif jumlah faedah yang masih belum dijelaskan lagi.

Setelah mengambil kira keadaan ini keseluruhannya saya berpendapat bahawa defendan berhak mengambil tindakan untuk memohon dan mengeluarkan notis Kebankrapan yang kedua dengan syarat notis kebankrapan yang baru itu adalah bertujuan untuk menuntut hutang yang masih belum dijelaskan lagi. Di dalam kes ini apa yang masih belum dijelaskan oleh plaintif ialah jumlah faedah yang telah diperintahkan untuk dibayar. Oleh itu adalah tidak menjadi apa-apa kesalahan dari segi undang-undang bagi defendan membuat tuntutan lanjut melalui pengeluaran notis kebankrapan untuk mendapatkan pembayaran baki hutang daripada plaintif.

Diatas sebab-sebab yang saya nyatakan diatas saya memutuskan supaya permohonan plaintif terhadap Prayer (i) dan (iii) ditolak dengan kos, memandangkan Prayer (ii) telah ditarik balik oleh plaintif.